

8

TRANSKRIPSI

Pengenalan

Transkripsi ialah penulisan dalam bentuk lambang-lambang fonetik daripada lambang-lambang tulisan huruf-huruf biasa. Transkripsi juga menurunkan lambang-lambang bunyi sebutan ke dalam bentuk lambang-lambang fonetik yang setepat mungkin mengikut sebutan sebenar penutur satu-satu bahasa. Dalam transkripsi fonetik, satu lambang digunakan untuk mewakili satu bunyi yang diucapkan. Terdapat dua jenis transkripsi, iaitu transkripsi fonetik dan transkripsi fonemik.

Transkripsi Fonetik

Transkripsi fonetik juga dikenali sebagai transkripsi sempit. Dalam transkripsi fonetik atau transkripsi sempit ini pengkaji cuba memberi lambang fonetik yang setepat-tepat dan sedetail-detailnya (sangat terperinci) dengan bunyi yang diucapkan atau tulisan yang dipindahkan ke dalam transkripsi fonetik tersebut. Dalam transkripsi fonetik, dimasukkan juga lambang-lambang koartikulasi seperti lambang pembibiran [w], penyengauan (nasalisasi) [~], perengkungan [l, d, z], penglelangitkerasan [j] dan pengglotisan (glotalisasi) [?]. Misalnya dalam tulisan atau sebutan untuk ayat **Buku itu di atas meja** ditulis semula dengan